

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (68)

14 Ogos 2024
9 Safar 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 25/2024

PROGRAM MADANI RAKYAT

DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JOHOR BAHRU

Dimaklumkan bahawa Program Madani Rakyat Zon Selatan akan diadakan di Dataran UTM Johor Bahru pada **15 Ogos 2024 hingga 17 Ogos 2024 (Khamis hingga Sabtu)**.

2. Program ini dijangka akan menarik ramai pengunjung kerana ia merupakan program Setahun Ekonomi Madani. Kesesakan lalu lintas dijangka akan berlaku disebabkan kawasan meletak kenderaan di dalam kampus akan menjadi tumpuan kawasan meletak kenderaan awam sepanjang tempoh tersebut. Fokus kawasan yang terlibat dengan kesesakan lalu lintas adalah di Pejabat Alumni, Pejabat Penerbit, Pejabat UTM International, kawasan Kolej Tuanku Canselor dan Pusat Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling.

3. Bagi melancarkan urusan perjalanan ke pejabat, **staf diminta untuk mengelakkan memasuki kampus melalui Pintu 3 (Pintu Jalan Ladang)**. Semua staf juga adalah diminta untuk mengatur perjalanan ke pejabat dan hadir lebih awal bagi memastikan urusan perjalanan ke pejabat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah